



**MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL
72120 BANDAR SERI JEMPOL**

PEMBERITAHUAN

**PENDAFTARAN DAN MEMPERBAHARUI PENDAFTARAN KONTRAKTOR
G1,G2,G3,G4,G5,G6,G7 DAN ELEKTRIK DI MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL
BAGI TAHUN 2022**

1. Tujuan Pendaftaran

Kontraktor yang ingin menyertai sebarang kerja yang melibatkan kerja bagi, sebutarga dalam Majlis Perbandaran Jempol adalah diwajibkan supaya mendaftar dengan Bahagian Kejuruteraan Majlis Perbandaran Jempol terlebih dahulu.

Selain daripada itu juga bertujuan untuk penyimpanan rekod dan maklumat oleh jabatan bagi memudahkan segala urusan yang berkaitan

2. Borang Pendaftaran

Borang Pendaftaran boleh didapati di Bahagian Kejuruteraan Majlis Perbandaran Jempol dan juga boleh di muat turun melalui laman sesawang Majlis Perbandaran Jempol (www.mpjl.gov.my)

Bayaran Pendaftaran yang dikenakan adalah sebanyak RM20.00 (termasuk kad).

3. Dokumen Pendaftaran Perniagaan

Dokumen Pendaftaran Perniagaan yang perlu dibawa semasa pendaftaran dan salinan hendaklah dilampirkan bersama borang pendaftaran yang telah lengkap diisi adalah seperti berikut:

Bil	Perkara
1.	Sijil SSM (asal dan salinan sebanyak 1 salinan)
2.	Sijil ST - Suruhanjaya Tenaga (asal dan salinan sebanyak 1 salinan)
3.	Sijil PKK – Taraf Bumiputera (asal dan salinan sebanyak 1 salinan)
4.	Sijil CIDB (asal dan salinan sebanyak 1 salinan)
5.	Sijil SPKK (asal dan salinan sebanyak 1 salinan)
6.	Gambar berukuran passport (2 keping)
7.	Borang Pendaftaran
8.	Cap Syarikat

4. Tempoh Sah Pendaftaran

Tempoh sah pendaftaran adalah selama satu (1) tahun bermula dari **bulan Januari dan berakhir pada bulan Disember** setiap tahun.

5. Perhatian

- a) Hanya kontraktor berdaftar sahaja yang layak untuk menyertai sebarang kerja-kerja yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Jempol. Pendaftaran boleh dibuat bermula dari 03 Januari 2022 hingga 31 Mac 2022 sahaja. Sebarang permohonan melebihi tarikh tersebut tidak akan dipertimbangan.
- b) Pihak Kontraktor diminta agar membuat pendaftaran awal bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Bagi Gred G1 hanya Kontraktor yang pendaftarannya beralamat di dalam Pentadbiran Daerah Jempol sahaja dibenarkan untuk mendaftar dan bagi Gred G2 hanya Kontraktor yang pendaftarannya beralamat dalam Negeri Sembilan sahaja dibenarkan untuk mendaftar.
- c) Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Bahagian Kejuruteraan Majlis Perbandaran Jempol di talian 06-4581233 sambungan 135
- d) Borang hendaklah diisi dengan menggunakan pen atau cetakan komputer dengan kemas dan bersih dan tidak dibenarkan diisi menggunakan cap kontraktor di semua ruang. Cap Kontraktor hanya digunakan pada kotak yang telah dikhaskan di bahagian bawah borang.
- e) Permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan tidak disertakan dengan salinan dokumen seperti yang dikehendaki di dalam borang dan tidak dicap dengan cap kontraktor di kotak khas yang disediakan tidak akan diterima dan diproses.
- f) Sila pastikan **Gred Pendaftaran** yang dikemukakan kepada Majlis adalah Gred Pendaftaran yang tepat sebagaimana tuan/puan kehendaki, kerana sebarang **pertukaran Gred Pendaftaran selepas Kad dikeluarkan akan dikenakan bayaran sebanyak RM 10.00.**
- g) Bagi yang berhasrat membuat dua (2) pendaftaran iaitu untuk kerja-kerja Elektrik dan kerja-kerja Awam permohonan hendaklah dibuat dalam borang yang berasingan dan bayaran pendaftaran adalah sebanyak RM 30.00 (termasuk kad).

KERJASAMA SEMUA PIHAK UNTUK MENGIKUTI *STANDARD OPERATING PROCEDURE* (SOP) SEPERTI BERIKUT AMATLAH KAMI HARAPKAN SEMASA BERURUSAN DI KAUNTER :-

1. Penjarakan sosial akan dilaksanakan semasa berurusan di kaunter. Pihak Majlis Perbandaran Jempol akan memastikan kapasiti pelanggan adalah dihadkan berdasarkan penjarakan sosial minimum 1 meter. Bagi urusan di kaunter Bahagian Kejuruteraan, hanya seorang pelanggan sahaja dibenarkan berurusan dalam satu-satu masa.
2. Perlu mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer* sebelum dan selepas berurusan di kaunter.
3. Setiap pelanggan adalah diwajibkan memakai topeng muka (*facemask*) bagi memastikan tahap keselamatan adalah sentiasa terkawal semasa berurusan di kaunter.
4. Saringan kesihatan akan dilaksanakan di pintu masuk premis.
5. Pelanggan yang mempunyai gejala seperti demam, selesema dan batuk tidak akan dibenarkan berurusan di kaunter. Oleh yang demikian, semua pelanggan hendaklah memastikan tidak mempunyai gejala sekiranya datang berurusan di kaunter.

Tarikh Pemberitahuan:

8

Disember 2021


(ROSTAM BIN OMAR)

Jurutera

Majlis Perbandaran Jempol



**MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL
72120 BANDAR SERI JEMPOL**

*(Borang Pendaftaran Kontraktor Gred 1, Gred 2, Gred 3, Gred 4,
Gred 5, Gred 6, Gred 7, Kontraktor Elektrik)
Tahun Pendaftaran 2022

2 Keping
Gambar
Berukuran
Pasport

(Gambar pengurus
seperti nama yang
tercatit diborang
pemohonan)

Nama Syarikat :

Alamat Syarikat (seperti di CIDB):

Nama Pengurus/Pemilik:

Alamat surat menyurat :

No. Telefon (Pejabat/HP) :

Nama & Alamat Bank :

No. Akaun :

BUTIR-BUTIR PENDAFTARAN PERNIAGAAN

	No. Pendaftaran	Tarikh Mula	Tarikh Akhir
Sijil SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia)			
Sijil S/Tenaga (Suruhanjaya Tenaga)			
Sijil PKK (Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan)			
Sijil CIDB (Perakuan Pendaftaran)			
Sijil SPKK (Sijil Perolehan Kerja Kerajaan)			

**** Sila Lampirkan Bersekali Satu Salinan SSM, ST, PKK (T/Bumiputera), Salinan SPKK, salinan CIDB Terbaru**

Saya mengakui bahawa segala keterangan di atas adalah benar. Saya bersetuju permohonan ini dibatalkan serta merta sekiranya terdapat keterangan palsu.

Tarikh:

.....
(Tandatangan)

* Sila potong mana yang tidak berkenaan

Bayaran pendaftaran sebanyak RM 20.00 (termasuk kad)

COP SYARIKAT